

## **Epistemologi Tauhid dalam Teori Pengeluaran dan Kesannya Keatas Keluaran dan Kebajikan**

*Tauhid Epistemology in Production Theory and Its Impact on Products and Welfare*

Fatimah Az-Zahra Abdul Shukor (fatimahazzahra\_595@yahoo.com)

Sanep Ahmad (nep@ukm.my)

Pusat Pengajian Ekonomi

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Islam merupakan agama cara hidup yang mana setiap perlakuan perlu berpandukan kepada hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT melalui al-Quran dan as-Sunnah. Hukum tersebut meliputi semua aspek kehidupan termasuk aspek pengeluaran. Justeru itu kajian ini bertujuan secara teoretikal membina teori pengeluaran menurut perspektif Islam berdasarkan epistemologi tauhid dan seterusnya cuba menilai apakah kesan pengamalan teori pengeluaran Islam keatas keluaran, harga dan kebajikan masyarakat. Metodologi yang digunakan adalah kaedah Islamisasi separa. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa falsafah, konsep, dan teori pengeluaran dalam Islam adalah berbeza dengan teori pengeluaran konvensional. Pengamalan konsep Islam dalam pengeluaran juga didapati akan dapat meningkatkan jumlah keluaran, menurunkan harga dan meningkatkan kebajikan masyarakat secara keseluruhan. Implikasi penting kajian ini ialah nilai-nilai Islam perlu diterapkan dalam proses pengeluaran kerana dengannya akan dapat menggiatkan lagi tahap pengeluaran negara dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kebajikan masyarakat. Langkah ini amat relevan bagi Malaysia dalam usaha menuju kearah negara maju berpendapatan tinggi.

Kata kunci: Epistemologi tauhid, teori pengeluaran Islam, kebajikan masyarakat, Islamisasi separa

### **ABSTRACT**

*Islam is a way of life in which each activity should be guided by the laws set by Allah through the Quran and the Sunnah. The law covers all aspects of life, including the aspects of production. Hence this study aims to develop theoretically the theory of production according to the Islamic perspective based on tauhidic epistemology and further examine its impacts on output, price and social welfare. The methodology used is the partial Islamization method. In general, the study shows that the philosophy, concepts, and theories of production in Islam are different from the conventional theory of production. Practicing the Islamic concept of the production may likely to increase total output, reduce price and increase welfare of the society as a whole. The important implication of this study is that Islamic values should be incorporated into the production process in order to boost the level of domestic output which, as a result may increase the level of social welfare. This is especially relevant for Malaysia in the effort of moving towards developed high-income country.*

*Keywords: Tauhidic epistemology, Islamic production theory, social welfare, partial Islamization*

### **PENGENALAN**

Islam adalah *ad-Din* (cara hidup) iaitu satu sistem peradaban yang lengkap sempurna diturunkan oleh Allah SWT yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia termasuklah ekonomi, politik dan sosial berasaskan *al-Quran* dan *as-Sunnah*. Ilmu ekonomi adalah salah satu cabang ilmu daripada keseluruhan ilmu Islam yang luas. Ekonomi perlu digerakkan di atas landasan syariah dengan berpandukan kepada asas *I'tibar al-Masoteh*, iaitu mengambil kira kepentingan manusia di dunia dan akhirat sama ada mereka mendapat manfaat atau mudarat daripadanya. Kemampuan manusia menggunakan aqal bagi membezakan antara yang hak dan batil menjadikan manusia lebih tinggi martabatnya berbanding makhluk lain di muka bumi. Walau bagaimanapun, hakikat akal manusia

adalah sangat terbatas untuk mentafsirkan semua hikmah yang tersembunyi. Yusuf al-Qardhawi di dalam kitabnya, *Annas wal-Haq*, menyatakan bahawa akal manusia itu terbatas dengan batasan masa, suasana, tahap kecerdikan dan ketinggian ilmu seseorang yang tentunya berbeza. Keterbatasan akal amat memerlukan petunjuk wahyu bagi memandu manusia memahami hakikat kebenaran yang sebenar.

Sebelum ini, terdapat banyak pihak meragui hubungan antara agama dan ekonomi. Tetapi ahli ekonomi sosial Jerman Max Weber, dalam bukunya, *The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism* (1904-5) telah berjaya memecahkan kepompong ideologi masyarakat yang konservatif pada zaman itu, masyarakat mula yakin wujudnya korelasi antara agama dan ekonomi. Dalam Islam, korelasi antara agama dan ekonomi sudah diyakini sejak awal lagi, malah menjadi salah satu penyebab kewujudannya. Kemunculan Islam telah memberi satu anjakan paradigma dalam kehidupan manusia sekaligus membawa satu transformasi baru kepada kebejatan<sup>1</sup> sistem peradaban masyarakat arab *jahiliyyah* pada zaman itu. Islam membebaskan pemikiran masyarakat *jahiliyyah* daripada sistem peradaban yang telah rosak secara keseluruhannya. Hanya dengan Islam, manusia dapat mengenalpasti tujuan diciptakan manusia dan semua kehidupan di dunia ini. Akhirnya kesedaran penuh (*self consciousness*) manusia dapat dibentuk untuk patuh dengan kekuasaan Allah dan akur dengan kelemahan diri sendiri sekaligus menyedari hikmah kejadian alam semesta dan penciptaan dirinya sebagai khalifah di muka bumi ini<sup>2</sup>. Bertitik tolak dengan asas ini, analisis ke atas ilmu ekonomi Islam juga tidak seharusnya memisahkan nilai wahyu dengan ilmu ekonomi yang ingin dibangunkan.

Salah satu elemen penting dalam ekonomi adalah pengeluaran. Pengeluaran menurut perspektif ekonomi Islam adalah usaha manusia untuk memperbaiki bukan sahaja kedudukan kebendaannya tetapi juga untuk meningkatkan kedudukan akhlaknya sebagai asas pencapaian matlamatnya (kebahagian hidup) di akhirat (M.Kahf 1978). Pengeluaran<sup>3</sup> dalam ekonomi Islam lebih menekankan pendekatan normatif berbanding positif. Pengeluar yang mengadaptasikan doktrin Islam secara total akan mengaplikasikan perilaku yang berbeza berbanding pengeluar konvensional dari segi objektif, jenis dan kuantiti barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan sehingga pengeluarannya memberi keberkatan hidup di dunia dan kesejahteraan akhirat<sup>4</sup>. Atas dasar itu, menyebabkan objektif pengeluaran terhadap sesuatu barangan dan perkhidmatan adalah jauh lebih luas dan menyeluruh<sup>5</sup>.

## Permasalahan dan Isu Kajian

Dewasa kini, sistem pendidikan yang membawa ideologi dan teori-teori yang diperkenalkan oleh ahli ekonomi barat diberi keutamaan dalam setiap aspek pendidikan termasuklah dalam pendidikan ekonomi. Kebanyakan institusi pendidikan menggunakan sistem pendidikan dualisme iaitu mengasingkan sistem pendidikan tradisional Islam dan sistem pendidikan moden. Sistem pendidikan tradisional Islam lebih menumpukan terhadap ilmu-ilmu keagamaan semata-mata dengan mengabaikan ilmu-ilmu moden. Manakala sistem pendidikan moden hanya menitikberatkan ilmu-ilmu moden dengan mengabaikan ilmu-ilmu keagamaan (Tamadun, Ogos 1997). Hal ini menyumbang kepada ketemangan ilmu yang amat ketara dalam umat Islam hari ini. Justeru itu, satu proses yang dinamakan sebagai *Islamiyyat al-Ma'rifa*<sup>6</sup> diperlukan bagi memperbaiki kelemahan dalam sistem pendidikan yang sedia ada.

Ekonomi konvensional hanya melihat faktor-faktor luaran yang fizikal sedangkan ekonomi Islam melihat faktor luaran dan nilai-nilai kerohanian. Apabila nilai-nilai kerohanian diambil kira tentu ada kesan kepada teori pengeluaran yang dibentuk. Kebergantungan terhadap ideologi teori

<sup>1</sup> Fazlur Rahman (1982) menyatakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi masyarakat Arab pada waktu itu, sebagaimana yang diberitahu di dalam al-Quran adalah pholitheisme (penyembahan berhala), eksploitasi terhadap masyarakat miskin, permainan kotor dalam perdagangan dan ketiadaan tanggungjawab umum terhadap masyarakat. Sekaligus menyebabkan kehidupan pada waktu itu dilanda perpecahan dan konflik antara kabilah sehingga membawa kepada peperangan yang berpanjangan. Salah satu contoh peperangan yang tercetus adalah Perang *Basus* yang berlangsung selama 40 tahun antara *Bani Bakr* dan *Taghlib* yang hanya disebabkan oleh kematian seekor unta.

<sup>2</sup> Al-Quran Surah az-Zariyat: 56 "Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepadaKu."

<sup>3</sup> Pengeluaran juga adalah penciptaan barangan atau perkhidmatan yang memberikan utiliti mengikut keutamaan berdasarkan syarak. Ia bukan semata-mata menambah atau memenuhi permintaan sesuatu barangan bahkan lebih kepada membentuk akhlak bagi kejayaan di dunia dan akhirat (*al-Falah*).

<sup>4</sup> Selain mendapat keberkatan hidup, setiap amalan yang diniatkan kerana Allah akan dikira sebagai ibadah termasuk melalui aktiviti pengeluaran yang dilakukan oleh pengeluar Islam.

<sup>5</sup> Maksud meluas dan menyeluruh ialah matlamat mencapai al-Falah di dunia dan akhirat merupakan matlamat jangka panjang yang merangkumi kesejahteraan hidup di dunia dan kemenangan selepas kematian (Akram Khan 1994).

<sup>6</sup> Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990) Islamisasi ilmu ditakrifkan sebagai pembebasan manusia, pertama daripada tradisi tahyul, mitos, animasi, kebangsaan dan kebudayaan dan selepas itu (pembebasan akal) dan bahasa daripada pengaruh sekularisme.

pengeluaran konvensional amat memberi kesan terhadap perilaku pengeluar. Dakwaan ini dapat dibuktikan dengan jelas ekoran pelbagai masalah<sup>7</sup> yang timbul dalam kegiatan ekonomi.

Dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan matlamat, faktor dan gelagat pengeluar antara kedua-dua sistem ekonomi konvensional dan Islam tetapi bagaimanakah bentuk dan ciri-ciri pengeluar Islam? Adakah kesan ke atas pengeluaran dan kebajikan sosial juga berbeza sedangkan kos pengeluaran yang dihadapi secara umumnya adalah sama? Bagi merungkai persoalan ini, kajian ini dilihat sebagai satu inisiatif untuk menilai kembali apakah sebenarnya pengeluaran dalam Islam berdasar *al-Quran* dan *as-Sunnah* yang merupakan sumber epistemologi ilmu ekonomi Islam.

### Objektif Kajian

Sehubungan dengan persoalan di atas objektif kajian ini adalah;

1. Mengenalpasti ayat dari *al-Quran* dan *Hadith* yang boleh digunakan untuk menerbitkan teori pengeluaran menurut Islam.
2. Membangunkan teori pengeluaran Islam menurut *al-Quran* dan *as-Sunnah*.
3. Menilai kesan keatas pengeluaran, harga dan kebajikan masyarakat apabila dilaksanakan konsep pengeluaran dalam Islam.

### KAJIAN LITERATUR

Sorotan kajian lepas mengenai teori pengeluaran telah dibincangkan dengan meluas dan dilihat dari pelbagai sudut iaitu daripada perbincangan umum hinggalah kepada perbincangan yang lebih spesifik. Dalam ekonomi konvensional melalui pemikiran para pemikir ekonomi kapitalis seperti Francis Ysidro Edgworth (1845-1926) dalam kajiannya mengatakan bahawa *self interest* (*egoism* dan *utilitarianism*) mempengaruhi gelagat agen dalam aktiviti ekonomi. Ramai di kalangan pemikir ekonomi konvensional mengakui bahawa nilai agama boleh mempengaruhi perilaku manusia dalam aktiviti ekonomi. Namun, Edgworth (1881) mempunyai alasan yang kukuh bahawa hanya egoisme menjadi nilai yang sangat konsisten bagi perilaku manusia (*egoistic behaviour*). Menurut kajian Amartya Sen (1979) nilai egoisme menjadi faktor ekonomi yang diguna pakai dalam pendekatan rasional (*rational choice*). Pendekatan rasional menunjukkan gelagat manusia dalam aktiviti ekonomi secara konsisten dan melalui pendekatan ini ekonomi konvensional dibangun dan dikembangkan. Manakala kajian mengenai prinsip-prinsip atau doktrin ekonomi Islam, termasuklah prinsip pengeluaran dalam Islam secara lebih terperinci, telah banyak dibuat oleh para sarjana ekonomi Islam seperti Mannan (1989), Afzalur Rahman (1991) dan Yusuf al-Qardhawi (1998).

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara prinsip ekonomi Islam dan konvensional, iaitu sumber utama dalam melahirkan nilai yang mempengaruhi perilaku manusia dalam aktiviti ekonomi. Pertama, menurut Siddiqi (1995) sumber utama dalam membentuk perilaku dan infrastruktur ekonomi Islam adalah *al-Quran* dan *as-Sunnah* malah ilmu pengetahuan merupakan hak multak Allah SWT dan bukan buah fikiran pakar ekonomi Islam. Sementara itu, sumber pengetahuan dalam perilaku manusia dan institusi ekonomi konvensional datang daripada pemikiran manusia dan melalui kajian empirikal yang dijalankan. Kedua, objektif atau tujuan perilaku manusia dalam aktiviti ekonomi. Ekonomi Islam dibangun dan dikembangkan di atas prinsip altruisme, sedangkan ekonomi konvensional dikembangkan dan dibangun berdasarkan nilai egoisme, di mana ia didasari sepenuhnya oleh prinsip dan disiplin yang dibuat oleh akal manusia (*man-made principles*). Malahan dalam ekonomi Islam setiap aktiviti ekonomi dikira sebagai ibadah. Dan konsep ibadah inilah yang mempengaruhi pengeluar secara keseluruhannya. Dalam kajian Akram Khan (1997), secara spesifik, faktor utama dalam gelagat agen ekonomi Islam ialah *mashlahah* (*public interest*), keperluan (*needs*) dan kewajipan (*obligation*).

Dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Siddiqi (1970) penentuan pengeluaran sebahagiannya adalah dipengaruhi oleh corak penggunaan. Penyesuaian penggunaan yang berlaku hasil pengambilan unsur-unsur Islam akan sedikit sebanyak mempengaruhi corak<sup>8</sup> pengeluaran. Maka, kesannya pengeluar akan bertindak mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang diminta oleh pengguna. Namun menurut Brodway (1979), eksternaliti adalah salah satu faktor yang mempengaruhi kemungkinan utiliti atau pengeluaran pihak lain dengan tidak dikenakan harga. Ini kerana tujuan

<sup>7</sup> Kes penipuan dalam jual beli, penghasilan produk yang tidak menepati standard dan piawaian yang dibenarkan, pencemaran alam sekitar, sikap kurang menitikberatkan persoalan pengeluaran barangan dan perkhidmatan halal dan haram dan aktiviti sorok barang bagi menaikkan harga yang kian membimbangkan.

<sup>8</sup> Corak pengeluaran yang dibincangkan oleh Siddiqi ini adalah corak pengeluaran kesan daripada penggunaan Islam dan bukannya corak pengeluaran yang telah mengambil unsur-unsur Islam.

pengeluar adalah untuk memaksimumkan keuntungan lantas menyebabkan tanggungjawab sosial diabaikan.

Siddiqi (1979) juga mencadangkan dalam kajiannya supaya pengeluar Islam menjalankan aktiviti pengeluaran berpandukan kepada keuntungan 'berpada' yang dinamakannya sebagai 'keuntungan yang memuaskan' di mana ia merupakan keuntungan yang diperoleh pengeluar dari segi kebaikan, pendapatan, kebolehan bertahan (*maintain*) dan mengembangkan perniagaannya bagi memenuhi keperluan masyarakat dan kerajaan. Dalam satu kajian lain yang dibuat oleh Metwally (1992) dan Siddiqi (1992) mengatakan bahawa keuntungan 'berpada' mungkin dilihat lebih rendah dari untung maksimum kerana pengeluar rela mengorbankan sebahagian dari kepentingan peribadi demi kepentingan masyarakat dalam usaha mendapatkan keredhaan Allah. Manakala dalam pemikir ekonomi konvensional seperti Adam Smith (1776) dalam bukunya *The Wealth of Nations* mengatakan bahawa teori pengeluaran adalah berdasarkan objektif memaksimumkan keuntungan dengan kos yang minimum. Menurutnya manusia didorong oleh 'suatu tangan yang tidak kelihatan'<sup>9</sup> dalam melakukan sesuatu perkerjaan yang pada zahirnya nampak mulia, tetapi sebenarnya dia melakukannya untuk mendapat untung bagi dirinya sendiri<sup>10</sup>.

Dapat dilihat bahawa ruang gerak pengeluar Islam mempunyai batasan-batasan yang lebih berbanding dengan pengeluar konvensional. Namun kekangan ini sama sekali tidak menjejaskan kemampuan pengeluar Islam untuk bersaing dalam pasaran. Dari segi teori, Metwally (1989) dalam kajiannya telah memasukkan faktor zakat dalam analisis keluk hasil dan kos dan mendapati titik keseimbangan pengeluar Islam adalah lebih tinggi berbanding pengeluar konvensional. Ini bermakna jika pengeluar Islam sememangnya mematuhi kehendak Islam maka kesejahteraan yang dicapai oleh masyarakat Islam seharusnya lebih baik daripada masyarakat bukan Islam. Namun begitu ketepatan sesuatu teori itu memerlukan kajian empirikal yang lebih khusus dan teliti.

Teori pengeluaran dalam ekonomi Islam mengandaikan pengeluar mendapat dana melalui pembiayaan ekuiti, khususnya berdasarkan kepada kontrak mudharabah. Pembiayaan ekuiti bukan sahaja dapat mengelakkan unsur bunga atau faedah yang diharamkan oleh Islam, bahkan dapat menghasilkan satu sistem ekonomi yang lebih stabil berbanding sistem ekonomi yang berdasarkan kepada pembiayaan hutang dengan unsur bunga seperti mana dalam sistem ekonomi konvensional (Ziauddin Ahmad 1985 & M.U. Chapra 1985).

Fungsi pengeluaran turut dibincangkan dari sudut mikroekonomi. Antaranya kajian yang dibuat Sloman (2000) yang mendefinisikan fungsi pengeluaran sebagai satu hubungan secara matematik antara output keluaran dengan input yang digunakan dalam pengeluaran. Ahli ekonomi konvensional telah mengklasifikasikan faktor pengeluaran yang pelbagai kepada empat kategori iaitu buruh, tanah, modal dan pengusaha (Paul A. Samuelson & William D. Nordhaus 1989). Pengkelasan ini adalah berdasarkan agihan pendapatan<sup>11</sup> daripada proses pengeluaran antara faktor-faktor ini iaitu upah, sewa, bunga dan untung. Manakala sebahagian ahli ekonomi Islam ada yang terus menggunakan klasifikasi faktor-faktor pengeluaran yang biasa iaitu tanah, modal, buruh dan pengusaha. Sebahagian yang lain seperti Maududi<sup>12</sup>, Tahawi<sup>13</sup> dan Abu Hamid Abu Sulaiman<sup>14</sup> telah mengklasifikasikan kepada tiga atau dua kategori sahaja berdasarkan kaedah serta alasan tertentu.

Jika diamati, dapat diperhatikan bahawa perkembangan perbincangan teori pengeluaran dari kaca mata ahli ekonomi konvensional lebih cenderung membincangkan analisis fungsi pengeluaran dan faktor pengeluaran. Manakala bagi ahli ekonomi Islam pula walaupun skop perbincangan dilihat lebih komprehensif dan menyeluruh tetapi kebanyakan kajian dilakukan masih belum dapat membuktikan secara empirikal bahawa teori pengeluaran Islam mampu memberikan impak atau keuntungan yang lebih besar berbanding teori pengeluaran konvensional. Di samping aspek andaian keseimbangan titik pengoptimuman pengeluaran tidak banyak dibincangkan. Sorotan kajian lepas banyak menyentuh perbincangan seperti matlamat pengeluaran, andaian pengeluaran, faktor pengeluaran, gelagat dan etika pengeluar, kos pengeluaran, keuntungan maksimum dan persaingan

<sup>9</sup> Sebuah fenomena alam yang memandu pasaran bebas dan kapitalisme melalui sebuah persaingan untuk sumber alam yang terhad.

<sup>10</sup> Sebagai contoh, pengusaha kilang fabrik, bukanlah berniat untuk menyediakan pakaian kepada orang ramai, tetapi membuat pakaian demi mencari keuntungan untuk dirinya sendiri. Teori pengeluaran dalam ekonomi konvensional mensasarkan keuntungan tanpa sebarang had batasan agama dan moral.

<sup>11</sup> Agihan pendapatan menurut ekonomi konvensional adalah seperti berikut; upah untuk buruh, sewa untuk tanah, bunga untuk modal dan untung untuk usahawan.

<sup>12</sup> Maududi meletakkan empat faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan organisasi dan ia berdasarkan konsep Mudharabah yang diamalkan dalam sistem kewangan Islam.

<sup>13</sup> Tahawi telah mengelaskan faktor pengeluaran kepada dua faktor sahaja iaitu kekayaan yang termasuk di dalamnya faktor tanah dan modal dan faktor yang kedua adalah buruh yang termasuk di dalamnya faktor pengusaha.

<sup>14</sup> Abu Hamid Abu Sulaiman menolak idea bahawa buruh merupakan faktor pengeluaran kerana manusia bukan digunakan untuk tujuan dieksploitasi seperti kapitalisme. Beliau meletakkan hanya dua faktor pengeluaran sahaja iaitu tanah dan modal.

antara pengeluar. Hal ini menunjukkan masih terdapat lompong yang perlu diisi dan dikaji oleh ahli-ahli ekonomi Islam kontemporari khususnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Menjelang abad ke-19 dan seterusnya, para pemikir Barat telah menghalusi idea mereka dengan menggunakan paradigm dan kriteria yang lebih saintifik. Kemajuan ini telah menjadikan teori ekonomi sebagai satu ilmu yang lengkap. Akan tetapi, kebanyakan kriteria yang diguna pakai bercanggah dengan doktrin dan prinsip-prinsip Islam. Namun, jika diteliti secara lebih mendalam, teori ekonomi, idea dan model yang digunakan dalam sistem ekonomi konvensional akan terbahagi kepada tiga bentuk utama, iaitu bertepatan dengan kehendak Islam, berkecuali dan bercanggah dengan doktrin Islam (Faridi 1987). Ini bererti bahawa sebahagian daripada pendekatan Barat boleh digunakan sebagai titik permulaan kepada pembentukan teori ekonomi Islam. Walau bagaimanapun, penggunaannya perlu diteliti bagi memastikan teori yang dibangunkan tidak mengandungi kriteria yang bertentangan dengan syarak. Justeru itu, bagi memastikan teori ekonomi yang digunakan selari dengan kehendak Islam, dua pendekatan atau kaedah yang boleh digunakan dalam membentuk teori dan model ekonomi Islam iaitu pendekatan separa dan pendekatan total. Kajian ini akan menggunakan pendekatan Islamisasi separa dalam merungkai persoalan teori pengeluaran dalam Islam dan kesannya kepada keluaran dan kebijakan masyarakat.

Pendekatan Islamisasi separa ilmu ekonomi ialah satu pendekatan yang mudah dan berkesan dengan hanya mengenal pasti unsur atau prinsip yang bercanggah dengan ajaran Islam yang terdapat dalam ilmu dan sistem ekonomi konvensional. Ia merupakan satu kaedah pengubahsuaian terhadap model dan teori ekonomi konvensional dalam beberapa komponen tertentu. Andaian, norma dan hipotesis asal masih dikekalkan. Pengubahsuaian hanya dilakukan dengan membuang unsur dan prinsip yang bercanggah dengan Islam dan menggantikannya dengan elemen yang baru supaya ilmu dan sistem ekonomi yang dihasilkan nanti selaras dengan kehendak syarak atau memasukkan unsur Islam ke dalam model yang sedia ada. Manakala unsur atau prinsip yang neutral seperti alat-alat analisis dan prinsip-prinsip ekonomi yang universal akan dikekalkan untuk diguna pakai bersama-sama dengan unsur dan prinsip baru yang sesuai dengan landasan Islam (Jaafar Ahmad 2005). Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak komprehensif dan tidak sesuai untuk dianggap sebagai model ekonomi Islam kerana ia masih berteraskan kepada paradigma dan unsur-unsur barat<sup>15</sup>.

Rajah 1 (Lampiran) menunjukkan bahawa analisis bermula daripada teori dan model ekonomi konvensional. Andaian, idea dan hipotesis asal dalam teori ekonomi konvensional digunakan. Langkah seterusnya adalah melakukan ijtihad dengan mengelaskan komponen ekonomi konvensional kepada tiga bahagian utama iaitu elemen yang terdapat unsur Islam, elemen atau unsur yang bersifat berkecuali dan elemen atau unsur yang bercanggah dengan doktrin Islam. Bagi elemen yang terdapat unsur Islam dan elemen yang bersifat berkecuali, elemen-elemen tersebut digunakan dan diterima sebagai salah satu elemen dalam pembentukan teori dan model ekonomi Islam. Manakala bagi elemen yang tidak Islam atau yang bercanggah dengan syarak dibuang dan digantikan dengan elemen baru yang selaras dengan kehendak Islam.

Oleh itu, satu pendekatan total digunakan bagi mengenalpasti unsur dan elemen baru yang selaras dengan syarak untuk menggantikan elemen yang tidak Islam. Pendekatan total ini merupakan satu kaedah yang menunjukkan perubahan dilakukan terhadap semua aspek meliputi paradigma, teras idea, andaian, norma, hipotesis, objektif dan kekangan. Perubahan ini dilakukan dari peringkat permulaan sehinggalah kepada peringkat pembuktian. Proses Islamisasi ilmu dilakukan dari semua aspek dan semua peringkat bermula daripada nukleus hinggalah pembentukan strategi. Seperti yang ditunjukkan Rajah 2 (Lampiran), langkah-langkah dalam metodologi teori ekonomi Islam, proses bermula dengan nukleus iaitu dengan mengenal pasti teks-teks yang berkaitan dengan ekonomi daripada sumber utama iaitu al-Quran dan as-Sunnah. Seterusnya korpus iaitu nilai, hukum dan prinsip yang dapat ditetapkan daripada teks utama dan hanya mampu dilakukan oleh ulama' yang mujtahid. Kemudian ahli ekonomi membentuk teori dan analisis gelagat yang mengamalkan nilai yang terbentuk dalam korpus. Langkah seterusnya adalah kajian empirik keatas amalan sebenar agen ekonomi dan akhir sekali pembentukan strategi supaya amalan sebenar agen ekonomi itu dapat menghampiri dengan nilai yang terdapat dalam korpus.

Kajian ini akan ditumpukan kepada analisis gelagat agen ekonomi iaitu pengeluar apabila agen tersebut mengubah nilai dan prinsip konvensional yang diamalkan selama ini kepada nilai dan prinsip yang selaras dengan kehendak Allah SWT. Dengan perkataan lain, analisis yang akan

---

<sup>15</sup> Surtahman Kastin & Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

dibincangkan dalam kajian ini adalah berbentuk teori yang normatif. Maka berdasarkan metodologi ilmu ekonomi Islam, analisis ini adalah merupakan langkah ketiga daripada lima langkah yang perlu diambil iaitu selepas langkah pertama dan kedua, nukleus dan korpus, ikuti langkah keempat, kajian empirik dan yang terakhir adalah pembentukan dasar dan strategi.

Selain itu, kaedah lain yang digunakan adalah mengenal pasti ayat daripada *al-Quran* dan *hadith* yang boleh menerbitkan teori dan andaian pengeluaran menurut Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan tafsir sebagai pendekatan utama dalam menghuraikan ayat-ayat berkenaan dengan pengeluaran. Berhubung terjemahan dan huraian ayat-ayat *al-Quran*, kajian ini banyak merujuk kepada kitab tafsir seperti *Tafsir Ibnu Kathir*<sup>16</sup> dan *Tafsir al-Munir*<sup>17</sup>. Sementara itu, bagi penafsiran *hadith*, kitab tafsir yang digunakan ialah *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahnya*<sup>18</sup>. Ringkasan kitab *al-Adab pelbagai jilid* dan *Fiqh akhlak*<sup>19</sup> dan beberapa lagi kitab tafsir *al-Quran* dan *hadith* serta buku-buku yang berkaitan *fiqh muamalat*<sup>20</sup> dan *akhlaq*. Kajian ini juga akan mengitalick semua nama kitab arab, perkataan arab dan seumpamanya, yang tidak dimelayukan serta ditulis dengan ejaan rumi.

Kebiasaanya, perbincangan mengenai teori pengeluaran dalam ilmu ekonomi konvensional akan merangkumi topik-topik seperti matlamat pengeluaran, andaian pengeluaran, faktor pengeluaran, gelagat dan etika pengeluaran, kos pengeluaran, gelagat pengoptimuman, keuntungan maksimum dan persaingan antara penjual. Justeru itu, untuk memudahkan analisis kajian ini akan menggunakan aturan topik yang sama dengan sedikit perubahan dan penambahan dalam menghuraikan tafsir teks-teks *al-Quran* dan *hadith* yang berkaitan dengan teori pengeluaran.

Di samping itu, disebabkan ayat-ayat yang ditafsirkan dalam kajian ini tidak menyebut secara khusus tentang aktiviti pengeluaran dalam teks-teks yang dipilih, maka terdapat beberapa perkataan yang disebut seperti 'berjalanlah', 'makanlah', 'minumlah', 'bertebaranlah', dan 'bekerjalah' akan diandaikan untuk merujuk kepada aktiviti pengeluaran dan malah mungkin aktiviti pengeluaran juga diterangkan dalam bentuk ayat seperti "bekerjalah kamu...", "bertebaranlah kamu..." dan banyak lagi contoh yang dapat dilihat dalam kajian. Andaian ini adalah berdasarkan definisi pengeluaran yang dipetik daripada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka dari sudut bahasa dan istilah<sup>21</sup>.

## TEORI PENGELUARAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### Pandangan Islam Terhadap Pengeluaran

Islam menggalakkan pengeluaran, iaitu melalui pergerakan (mobilisasi) sumber. Menurut Kahf (1982) pengeluaran ialah usaha manusia untuk membaiki bukan sahaja kedudukan kebendaannya, tetapi juga untuk meningkatkan kedudukan akhlakunya sebagai asas pencapaian matlamatnya (kebahagiaan hidup) di akhirat. Al-Ghazali juga menyatakan motif pengeluaran adalah motivasi keuntungan. Dan keuntungan pula ditakrifkan oleh Al-Ghazali sebagai keuntungan di dunia dan di akhirat (*Ihya Ulumuddin*). Tanpa pengeluaran, maka tidak akan berlaku pemasaran, perdagangan dan penggunaan. Kajian ini tidak menafikan pendapat ini ekoran terdapat hujah yang kukuh daripada teks al-Quran mengenainya. Antaranya Allah berfirman di dalam al-Quran:

"Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan), maka barang siapa berat timbangan kebaikannya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung." (Surah al-A'raf: 8)

"Dan sesungguhnya akhir itu lebih baik bagimu dari permulaan." (Surah adh-Dhuha: 4)

Menurut tafsir Ibn Kathir "timbangan" yang Allah maksudkan dalam ayat ini adalah amal perbuatan yang akan dihisab di akhirat kelak (pada hari itu). Seorang Muslim yang meyakini bahawa setiap perbuatannya akan dipertimbangkan, yang akan menentukan kedudukannya samada di syurga atau neraka, akan lebih *wara'* dalam aktiviti hidupnya. Malah keazaman memperoleh keberuntungan seperti yang dijanjikan di akhir ayat ini, akan menjadi perangsang kepada mereka yang meyakini untuk berusaha dan bekerja menyahut seruan Allah SWT (Aidit Ghazali 1986 & Kahf 1982). Sementara dalam ayat 4 Surah adh-Dhuha menurut tafsir Fil Zhilal Quran karangan Sayyid Qutb menyatakan kurniaan Allah di akhirat (hari kemudian) adalah lebih baik dan kekal berbanding dunia (permulaan).

<sup>16</sup> Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Ali al-Sheikh. (2003). *Tafsir Ibnu Kathir*. Terj. M. Abdul Ghafar E.M & Abu Ihsan al-Atsari. Indonesia: Pustaka Imam Syafi'i.

<sup>17</sup> Wahbah Zuhaili. (2007). *Tafsir al-Munir*. Terj. Zulkifli Yusuf & Ishak Sulaiman. Selangor: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.

<sup>18</sup> Mustafa 'Abdul Rahman. (2005). *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahnya*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

<sup>19</sup> Musthafa al-'Adawy. (2006). *Fiqh al-Akhlak*. Terj. Salim Bazemool & Taufik Damas. Jakarta: Qisthi Press.

<sup>20</sup> Syeikh Yusuf al-Qardhawi. (2009). *Fiqh: Ekonomi Islam*. Terj. Mohamad Dahlan Haji Arshad. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.

<sup>21</sup> Pengeluaran ialah perihal mengeluarkan, usaha (proses) menghasilkan, penghasilan, Kamus Dewan. Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 725.

Seterusnya Allah menjanjikan kepuasan yang hakiki melalui kurniaan tersebut dalam ayat ke 5 surah ini.

Justeru kepercayaan dan keyakinan pada kewujudan hari akhirat menjadikan perkiraan hidup orang Islam lebih panjang iaitu meliputi hidup sebelum dan sesudah kematian yang disebut alam baqa'. Kepercayaan ini mendorong pengeluar Islam mengarahkan semua aktiviti dan matlamat pengeluarannya kepada penghasilan yang terbaik bagi kedua-dua kehidupan tersebut. Kewujudan ini menyebabkan keluaran barangan dan perkhidmatan bertambah kerana adanya pengeluaran untuk akhirat (kebajikan masyarakat yang diganjarkan pahala oleh Allah).

Pengeluaran bukan sahaja menghasilkan barangan atau perkhidmatan untuk faedah segera (keuntungan di dunia) malah juga untuk faedah yang tidak nampak yang hanya akan dirasai di akhirat kelak. Ini kerana aktiviti ekonomi seperti pengeluaran merupakan salah satu fardhu kifayah yang mana ianya memberi manfaat kepada masyarakat sejagat selagi mana keseluruhan prosesnya berlandaskan syariah Islamiah. Sebagai contoh, pengeluaran produk-produk halal yang kini dilihat semakin mendapat tempat di hati masyarakat sama ada Islam dan bukan Islam. Selain itu, aktiviti pengeluaran merupakan insentif utama pengeluar untuk menghasilkan tingkat pengeluaran yang lebih tinggi demi memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Lantaran itu aktiviti pengeluaran merupakan wadah kekuatan ekonomi umat Islam sekaligus meninggikan martabat Islam di mata masyarakat dunia. Ia juga merupakan satu keperluan dalam pembangunan sesebuah negara dan umat seluruhnya (Aidit Ghazali 1986).

### Matlamat Pengeluaran

Dalam sistem ekonomi konvensional pemaksimuman keuntungan merupakan matlamat utama pengeluar. Persoalan kestabilan, keadilan, kesinambungan dan kepentingan sosial kurang diperhatikan.<sup>22</sup> Gelagat pengeluar menunjukkan bahawa semua tindakan adalah untuk kepentingan peribadi tanpa memikirkan kepentingan masyarakat. Tidak dinafikan bahawa idea pemaksimuman keuntungan membawa kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi dalam ekonomi di dunia barat. Tetapi di sebalik kejayaan ini, andaian pemaksimuman keuntungan telah gagal mewujudkan nilai kebajikan terhadap masyarakat. Hal itu kemudiannya juga, menimbulkan kesan negatif dalam bentuk yang diistilahkan oleh Fukuyama (1999) sebagai 'kekacauan yang besar (*the great disruption*)'.

Dalam sistem ekonomi Islam, pengeluaran bukan semata-mata untuk mencapai manfaat material bahkan juga ingin mencapai matlamat manfaat maknawi atau rohani yang mana akan membawa kepada kebahagiaan abadi di dunia dan akhirat<sup>23</sup>. Maka, seorang pengeluar tidak akan menjalankan aktiviti pengeluaran semata-mata untuk memenuhi kehendaknya sahaja malahan turut memenuhi kehendak orang lain bahkan untuk semua makhluk Allah. Pengeluaran juga bertujuan menjadikan pengeluar tidak berhajat kepada perkara lain seperti dalam sabda Nabi SAW yang bermaksud:

*"Tangan di atas adalah lebih baik daripada tangan di bawah"*.

Pengeluar menjadikan aktiviti pengeluaran sebagai mekanisme untuk menjalankan ketaatan kepada Allah dan beribadat kepadaNya. Pengeluaran merupakan satu mekanisme untuk mencapai matlamat asasi iaitu mengimarahkan dunia dan merealisasikan tugas khilafah atas muka bumi. Allah SWT berfirman:

*"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi."* (Surah al-Baqarah: 30).

*"Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi. Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya."* (Surah Hud: 61)

Menurut tafsir Ibn Kathir, yang dimaksudkan "khalifah" ialah sebagai penghuni dan pentadbir, dengan kata lain yang akan membangunkan bumi dan menghuninya. Justeru itu, pengeluar akan menjalankan aktiviti pengeluaran untuk mencapai objektif kehidupannya sekaligus mengangkat martabat umat Islam. Dan objektif sebenar manusia ialah membangunkan konsep *khilafah*<sup>24</sup>.

Dalam teori pengeluaran Islam, pengeluar mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Ini merupakan insentif utama pengeluar untuk menghasilkan tingkat pengeluaran yang maksimum dan bukan kepada keuntungan maksimum. Pengeluar akan menambahkan pahala daripada membebaskan kesengsaraan kepada masyarakat melalui keuntungan patut. Keuntungan patut adalah keuntungan di mana pengeluar berpuas hati dari segi kebaikan, perolehan wang, kebolehan bertahan

<sup>22</sup> Surtahman Kastin & Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>23</sup> Matlamat manfaat maknawi atau rohani yang dimaksudkan ialah al-falah.

<sup>24</sup> Al-Quran Surah Ali Imran: 110 "Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah."

(maintain) dan mengembangkan firma perniagaan untuk terus memenuhi keperluan pengguna dan masyarakat (Siddiqi 1979). Seperti mana dalam firman Allah SWT:

*"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."* (Surah Ali Imran : 92)

Tingkat keuntungan dalam teori pengeluaran Islam seharusnya terletak di antara had tertinggi (iaitu tingkat keuntungan yang dibenarkan, yang tidak bertentangan dengan doktrin dan prinsip-prinsip Islam) dan had terendah (iaitu tingkat keuntungan yang membolehkan pengeluar dapat memenuhi keperluan kehidupannya serta untung yang secara puratanya dapat menutupi kerugian yang dialami (Siddiqi 1981). Allah berfirman dalam Al-Qur'an:

*"Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu."* (Surah al-Baqarah : 168)

Menurut tafsir al-Munir, Allah menyeru kepada manusia agar memakan makanan yang diharamkan untuk mereka di atas muka bumi ini iaitu rezeki halal yang bukan syubhat, tiada dosa dan tidak melibatkan hak manusia lain.

### Masalah "Scarcity"

Masalah "*scarcity*" yang menjadi tunjang dalam ekonomi konvensional juga turut diakui dalam ekonomi Islam. "*Scarcity*" ialah andaian di mana sumber ekonomi adalah terhad, tidak dapat memuaskan permintaan manusia yang tidak terhad. Tetapi di dalam sistem ekonomi Islam, "*scarcity*" dibahagikan kepada dua iaitu "*absolute scarcity*" dan "*relative scarcity*". *Absolute scarcity* adalah apabila wujud kekurangan mutlak sumber, khususnya sumber alam yang tidak boleh diperbaharui. Manakala *relative scarcity* pula wujud kerana sumber yang sedia ada adalah terhad dan permintaan masyarakat yang tidak terhad. Di dalam Islam, semua sumber datangnya daripada Allah SWT dan Allah SWT menjanjikan rezeki yang cukup bagi setiap makhluk ciptaannya<sup>25</sup> kerana itu, terma *absolute scarcity* tidak wujud dalam sistem ekonomi Islam. Pandangan Islam jelas berbeza mengenai konsep ini. Allah berfirman dalam Al-Qur'an bahawa sumber alam ini adalah mencukupi<sup>26</sup> bagi memenuhi kehidupan manusia:

*"Dan Dia (Allah) menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetap (tersergam tinggi) di atasnya, serta Dia melimpahkan berkat padanya dan Dia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; dalam empat masa. (Penjelasan itu sebagai jawapan) bagi orang-orang yang bertanya."* (Surah Fussilat: 10)

Teori pengeluaran Islam mengkaji sumber dari sudut "mencukupi" berbanding "terhad" kerana Allah menjanjikan sumber yang mencukupi bagi kehidupan makhluk-Nya, maka kekurangan sumber yang dialami hari ini berpunca daripada salahguna sumber tersebut atau ketidakseimbangan dalam pembahagiannya. Kekayaan di bumi ini masih banyak yang belum diterokai, namun manusia lebih mudah mengatakan "sumber alam terhad" daripada memikirkan bagaimana mencari alternatif kepada sistem yang tidak seimbang ini.

Walau bagaimanapun *relative scarcity* diterima dan diakui sebagai salah satu masalah dalam sistem ekonomi kerana idea mengenai sumber tertentu boleh wujud dalam jumlah yang terhad, contohnya modal. Andaian kekangan terhadap faktor-faktor pengeluaran menyebabkan pengeluar perlu membuat pilihan dan pilihan yang dibuat bukan sahaja terarah kepada keuntungan material tetapi juga untuk mendapatkan *al-Falah*. Akan tetapi andaian bahawa manusia mempunyai kehendak atau permintaan yang tidak terhad disangkal dalam Islam. Ini kerana dalam ekonomi Islam, penciptaan makhluk yang dinamakan manusia ini mempunyai tujuan yang tersendiri iaitu menjadi khalifah di muka bumi ini dan memakmurkannya seperti dalam firman Allah SWT:

*"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri (menyembah) kepada-Ku."* (Surah al-Dhariyat: 56).

Menurut tafsir al-Munir, jin dan manusia tidaklah diciptakan kecuali untuk beribadah. Kewajipan beribadah kepada Allah itu adalah kerana mereka mengenali Allah bukan kerana Allah memerlukan atau berhajat kepada mereka. Justeru itu, segala aktiviti termasuklah dalam hal yang berkaitan dengan ekonomi perlu diusahakan dan dilaksanakan secara yang diredhai Allah SWT dan ia akan

<sup>25</sup> Al-Quran Surah al-Baqarah : 29 "Dia-lah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak menuju langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit. Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu."

<sup>26</sup> Muhammad Akram Khan. (1994). An Introduction To Islamic Economics. *The International Institute of Islamic Thought (IIIT)*, USA: Herndon, Virginia, hlm. 45.



menghasilkan manfaat dan keberkatan yang hakiki. Usaha yang sedemikian terangkum dalam istilah pengabdian dalam firman di atas<sup>27</sup>.

Permintaan yang tidak terhad sehingga membawa kepada pembaziran dilarang oleh Islam<sup>28</sup>, maka permintaan manusia dilihat lebih menjurus kepada rasa kecukupan “*qanaah*” dan terhad kepada barangan dan perkhidmatan yang dibenarkan oleh syarak. Menurut Kahf (1992) matlamat seorang pengguna Muslim dalam kegiatan penggunaannya (permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan) ialah mengutamakan akhirat berbanding dunia. Pada asasnya seorang Muslim akan dihadapkan dengan dua pilihan iaitu di antara menggunakan barang ekonomi yang bersifat duniawi sahaja dan yang bersifat ibadah (ukhrawi). Penggunaan barang untuk keperluan ibadah lebih bernilai berbanding daripada penggunaan untuk duniawi. Hal ini kerana orientasi penggunaannya (permintaan) adalah al-Falah. Semakin besar penggunaan untuk ibadah maka semakin tinggi pula al-Falah yang akan dicapai.

### Kriteria Penentuan Titik Keseimbangan

Dalam sistem ekonomi konvensional, penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran adalah berdasarkan “*pareto optimum criterion*”, di mana keuntungan maksimum akan dicapai apabila *marginal revenue* sama dengan *marginal cost* (MR=MC). Harga pada tingkat ini dilihat paling tinggi di mana jumlah keluaran pada tingkat ini pula dilihat paling cekap kerana melibatkan kos yang paling rendah. Pengeluar mengaplikasikan “*marginal criterion*” dalam menentukan jumlah keluaran sesuatu barangan atau perkhidmatan yang paling optimum. Salah satu perkara penting dalam teori pengeluaran adalah bagaimana menentukan tingkat harga daripada faktor pengeluaran (*factor pricing*). Dalam teori pengeluaran konvensional, hal ini berkait rapat dengan matlamat utama pengeluar dalam aktiviti pengeluarannya iaitu memaksimumkan keuntungan firma.

Namun begitu, dalam teori pengeluaran ekonomi Islam, matlamat yang berbeza dengan teori pengeluaran konvensional menjadikan penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran adalah berdasarkan “keuntungan patut dan peningkatan kebajikan” di mana titik pengoptimuman keuntungan akan dicapai apabila *average revenue* sama dengan *average cost* (AR=AC). Pada titik ini, harga dilihat lebih rendah dan jumlah keluaran pada tingkat ini pula dilihat lebih tinggi berbanding dalam teori pengeluar konvensional. Pengeluar mengaplikasikan “*average criterion*” dalam menentukan jumlah keluaran sesuatu barangan atau perkhidmatan yang paling optimum. Titik keseimbangan boleh dilihat seperti didalam Graf 1.

### Masalah “Kecekapan”

Titik pengoptimuman dalam teori pengeluaran konvensional ialah apabila *marginal revenue* sama dengan *marginal cost*, manakala dalam teori pengeluaran Islam pula ialah apabila *average revenue* sama dengan *average cost*. Di sini timbul persoalan sama ada, firma dalam teori pengeluaran Islam dilihat tidak cekap kerana tidak meletakkan titik pengoptimuman pada titik MR=MC. Dan bagaimana pula firma yang mengaplikasikan teori pengeluaran Islam ini mampu bersaing dengan firma yang mengamalkan teori pengeluaran konvensional? Menurut teori pengeluar konvensional, apabila tingkat pengeluaran dibuat pada titik pengoptimuman MR=MC, maka pengeluaran tersebut dianggap sebagai pengeluaran yang cekap:

$$\text{MR}=\text{MC}=\Pi = \text{cekap}$$

Titik keseimbangan ini dianggap titik paling cekap kerana objektif firma adalah untuk memaksimumkan keuntungan. Walaubagaimanapun keadaan berbeza dengan firma yang mengamalkan prinsip Islam. Manakala menurut teori pengeluaran Islam, objektif firma adalah mendapat keuntungan patut demi untuk mendapat al-falah dan keredaan Allah swt. Lantaran itu pengeluaran yang cekap adalah pengeluaran yang dilakukan pada titik pengoptimuman AR=AC:

$$\text{AR}=\text{AC}=\Pi + \text{Kebajikan} = \text{cekap}$$

Masalah kecekapan dan keberkesanan pengeluar menurut teori pengeluaran Islam tidak semestinya disamakan dengan ukuran yang digunakan dalam ekonomi lazim<sup>29</sup>. Sesuatu pengeluaran barangan atau perkhidmatan itu dianggap cekap apabila dikendalikan dengan menggunakan kos yang

<sup>27</sup> Surtahman Kastin & Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>28</sup> Al-Quran Surah Al-Isra': 27 “Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya.”

<sup>29</sup> Surtahman Kastin & Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

optimum (minimum), dan dianggap berkesan apabila dapat mencapai tujuan yang telah ditetapkan, khususnya dalam mencapai kebajikan masyarakat. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

*“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”* (Surah Ali Imran : 92)

Tidak dinafikan jumlah keuntungan yang akan diperolehi oleh pengeluar dalam teori pengeluaran Islam berkemungkinan lebih rendah berbanding teori pengeluaran konvensional ekoran daripada tingkat harga yang rendah. Tetapi teori pengeluaran Islam ini dilihat jauh lebih berkesan dalam mencapai tujuan yang telah ditetapkan iaitu “mendapat lebih pahala” bagi pengeluar dan peningkatan dalam kebajikan masyarakat. Oleh itu pengeluar akan mengorbankan kepentingan sendiri (keuntungan wang) tetapi menambahkan manfaat kepada orang lain. Teori ini dinamakan sebagai *“pareto improvement”*. Istilah ini bermaksud wujud kesan positif dalam sesuatu tindakan (keputusan) dalam penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran. Walaupun jumlah keuntungan pengeluar dilihat lebih rendah, tingkat harga dan jumlah keluaran dilihat lebih tinggi, kepentingan pengeluar dan pengguna sama-sama dititikberatkan tanpa ada eksploitasi daripada mana-mana pihak. Kebajikan pengeluar dan pengguna dilihat jauh lebih tinggi berbanding dalam teori pengeluaran konvensional.

Sesetengah pihak beranggapan bahawa apabila jumlah keuntungan pengeluar rendah, maka kebajikan pengeluar juga dianggap rendah kerana penilaian ini hanya berdasarkan figure yang dilihat dengan mata kasar sahaja. Secara tersiratnya, apabila pengeluar dengan rela hati mengurangkan jumlah keuntungan firmannya, maka ganjaran pahala yang diberikan oleh Allah SWT meningkat kepada pengeluar tersebut. Ganjaran pahala inilah sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia dan tidak dapat dinilai dengan sifir matematik. Maka, apabila ganjaran pahala meningkat, kebajikan pengeluar juga dilihat tidak menurun bahkan kekal pada tingkat yang sama dengan kebajikan pengeluar yang diterima dalam teori pengeluaran konvensional. Seperti mana dalam firman Allah:

*“Jika kamu berbuat baik (bererti) kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri dan jika kamu berbuat jahat maka kejahatan itu bagi dirimu sendiri, dan apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) yang kedua, (Kami datangkan orang-orang lain) untuk menyuramkan muka-muka kamu dan mereka masuk ke dalam masjid, sebagaimana musuh-musuhmu memasukinya pada kali pertama dan untuk membinasakan sehabis-habisnya apa saja yang mereka kuasai.”* (Surah al-Isra’: 7)

Dalam masa yang sama, jumlah kebajikan pengguna meningkat dan ini ditakrifkan sebagai *“pareto improvement”*. Jika dikaji secara realistik, jumlah pengeluar tidak adalah tidak seramai jumlah pengguna, maka manfaat yang diterima oleh pengguna akan mengatasi penurunan kebajikan pengeluar. Justeru itu, kemungkinan wujudnya kesan positif adalah tinggi berbanding dalam teori pengeluaran konvensional seperti dalam firman Allah:

*“Dan orang-orang yang beriman dan beramal saleh, benar-benar akan Kami hapuskan dari mereka dosa-dosa mereka dan benar-benar akan Kami beri mereka balasan yang lebih baik dari apa yang mereka kerjakan.”* (Surah al-Hadid : 7)

Menurut tafsir Ibn Kathir, Allah menyuruh manusia supaya menyempurnakan pengertian imannya kepada Allah dan Rasulullah SAW dan menganjurkan manusia supaya menafkahkan harta kekayaan yang diamanahkan Allah kepadanya untuk menegakkan agama Allah dengan jaminan bahawa sesiapa yang benar-benar beriman serta menafkahkan harta kekayaannya, akan mendapat pahala yang besar.

## **KESAN KEPADA PENGELUARAN, TINGKAT HARGA DAN KEBAJIKAN**

Penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran dalam teori pengeluaran konvensional adalah berdasarkan *“pareto optimum criterion”*. Tingkat harga pada tingkat ini adalah paling tinggi dan jumlah keluaran pada tingkat ini pula adalah paling cekap kerana melibatkan kos yang paling rendah. Kriteria *“marginal”* dalam menentukan jumlah keluaran sesuatu barangan atau perkhidmatan adalah yang paling optimum. Ini kerana ia berkait rapat dengan objektif utama pengeluar dalam aktiviti pengeluarannya iaitu memaksimumkan keuntungan firma. Oleh itu, pengeluar akan menentukan tingkat harga dan jumlah keluaran sehingga pengeluaran dapat menghasilkan tingkat keuntungan yang paling maksimum dengan kos yang paling minimum. Kesannya pengeluar hanya akan memikirkan tentang memaksimumkan keuntungan dalam menghasilkan jumlah keluaran sekaligus mengeneapi golongan yang kurang berkemampuan dan miskin. Ini kerana penentuan jumlah keluaran adalah berdasarkan *“marginal”* iaitu *“given demand hypothesis”*. Penentuan titik optimum jumlah keluaran dalam ekonomi Konvensional hanya memikirkan kebajikan pengeluar dan menafikan kebajikan pengguna di mana titik pengoptimuman keuntungan akan dicapai apabila *marginal revenue* sama dengan *marginal cost* (MR=MC).

Walau bagaimanapun, matlamat yang berbeza dalam teori pengeluaran ekonomi Islam dengan teori pengeluaran konvensional menjadikan penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran adalah berdasarkan “keuntungan patut dan peningkatan kebajikan” di mana titik pengoptimuman keuntungan akan dicapai apabila *average revenue* sama dengan *average cost* ( $AR=AC$ ). Pada titik ini, tingkat harga adalah lebih rendah dan jumlah keluaran pula adalah lebih tinggi berbanding dalam teori pengeluaran konvensional. Pengeluar mengaplikasikan “*average criterion*” dalam menentukan jumlah keluaran sesuatu barangan atau perkhidmatan yang paling optimum. “*Average*” adalah titik pengoptimuman yang berdasarkan “*effective demand hypothesis*”.

Justeru dalam hal ini, pengeluar dilihat tidak mengenyahkan hak orang miskin dalam menentukan jumlah keluaran sesuatu barangan dan perkhidmatan. Didapati, jumlah keuntungan yang diperolehi pengeluar dalam teori pengeluaran Islam lebih rendah di mana pengeluar hanya memperolehi keuntungan normal (keuntungan patut) berbanding keuntungan abnormal (keuntungan maksimum) dalam teori pengeluaran konvensional. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

*"Dan janganlah kamu merugikan manusia pada hak-haknya dan janganlah kamu bermaharajalela di muka bumi dengan membuat kerosakan."* (Surah ash-Shu'ara' : 183)

Menurut tafsir Ibn Kathir, yang dimaksudkan dengan “merugikan” ialah janganlah manusia mengurangi harta benda manusia lain dan yang dimaksudkan dengan “membuat kerosakan” ialah menganiayai manusia lain.

Didapati, jumlah keuntungan yang diperolehi pengeluar dalam teori pengeluaran Islam lebih rendah di mana pengeluar hanya memperolehi keuntungan normal ( $P2 \cdot e \cdot Qs2$ ) seperti yang ditunjukkan dalam Graf 1 di atas berbanding keuntungan abnormal ( $P1 \cdot E \cdot Qs1$ ) dalam teori pengeluaran konvensional. Walau bagaimanapun, penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran ( $P2 \cdot e \cdot Qs2$ ) dilihat paling cekap dalam sistem ekonomi Islam kerana mengambil kira kebajikan masyarakat tanpa mengabaikan kepentingan (keuntungan) pengeluar. Dalam hal ini, kepentingan pengeluar dan pengguna sama-sama dititikberatkan tanpa ada eksploitasi daripada mana-mana pihak. Kebajikan pengeluar dan pengguna dilihat jauh lebih tinggi berbanding dalam teori pengeluaran konvensional.

Dalam Graf 1 di atas, Siddiqi (1979) menunjukkan bahawa pengeluar mencari keuntungan patut dan akan mengeluarkan output (keluaran) pada persilangan titik  $AR=AC$  dalam kes apabila faktor semula jadi memaksa pengeluar menjadi monopoli Islam. Menurut Siddiqi (1992) prinsip-prinsip pengeluaran dalam Islam adalah mempunyai komitmen penuh terhadap keadilan dan mempunyai dorongan untuk mencipta kebajikan. Oleh itu, pengoptimuman keuntungan dibenarkan atas dasar prinsip-prinsip tersebut, ertinya pengoptimuman keuntungan tidak boleh dilakukan dengan meninggalkan prinsip keadilan dan kebajikan bagi kesejahteraan masyarakat keseluruhan. Pelaksanaan prinsip-prinsip pengeluaran dalam Islam dilihat sangat kondusif dalam usaha pengeluar untuk mencapai keuntungan yang maksimum, terutamanya dalam jangka masa panjang. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

*"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran."* (Surah an-Nahl : 90)

Justeru itu, prinsip keadilan dan kebajikan dalam pengeluaran akan berkorelasi positif dengan keuntungan yang dicapai oleh pengeluar. Matlamat utama pengeluaran dalam Islam ialah untuk mencapai kebaikan, kesenangan dan manfaat umum kepada seluruh masyarakat. Ini adalah kerana menjunjung perintah Allah SWT dalam al-Quran:

*"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."* (al-Qasas : 77)

Objektif utama pengeluar dalam teori pengeluaran Islam adalah untuk mencari keredhaan Allah kerana keredhaanNya adalah merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh setiap muslim dalam segala aktiviti ekonomi yang dilakukan seperti mana dalam firman Allah SWT dalam al-Quran:

*"Katakanlah: sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam."* (al-An'am : 162)

Implikasinya, dalam teori pengeluaran Islam, jumlah keluaran sesuatu barangan dan perkhidmatan adalah lebih tinggi berbanding teori pengeluaran konvensional. Di samping itu kebajikan masyarakat juga meningkat dan masalah penyorokan barang bagi menaikkan harga dapat diatasi apabila nilai-nilai agama dapat diterapkan dalam gelagat pengeluar. Sabda Rasulullah SAW:

“Manusia yang paling dikasihi Allah SWT ialah yang paling memberi maanfaat kepada manusia, dan pekerjaan yang paling disukai oleh Allah SWT ialah menggembirakan seseorang Muslim atau membebaskannya daripada beban atau melepaskannya daripada hutang atau menghilangkan kelaparannya...” (al-Tabrani)

Selain itu, penentuan harga dalam teori pengeluaran Islam juga dilihat mampu dibeli oleh kebanyakan pengguna kerana harga yang dikenakan adalah tingkat harga yang berpatutan di mana pengeluar hanya memperoleh keuntungan normal dalam jangka masa panjang.

Dapat dirumuskan dalam kajian ini bahawa kesan daripada pengaplikasian teori pengeluaran Islam, jumlah keluaran/output dalam ekonomi bertambah berbanding jumlah keluaran dalam teori pengeluaran konvensional. Di samping itu, kesan pengamalan teori pengeluaran Islam juga mendapati bahawa tingkat harga menurun atau lebih rendah berbanding teori pengeluaran konvensional. Hal ini sekaligus memberi kesan positif kepada kebajikan masyarakat. Didapati tingkat kebajikan meningkat dan bertambah apabila teori pengeluaran Islam dilaksanakan.

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti ayat dari al-Quran dan as-Sunnah yang boleh digunakan untuk menerbitkan teori pengeluaran menurut Islam serta membangun dan menilai semula falsafah, teori dan konsep pengeluaran Islam menurut al-Quran dan as-Sunnah. Bagi tujuan tersebut, kajian ini telah menggunakan beberapa kitab tafsir dan kitab-kitab adab Islam bagi menentukan bukti dan keterkaitan ayat-ayat al-Quran dan hadith yang dipilih dengan teori pengeluaran. Berdasarkan kupasan hujah yang dikumpulkan, terdapat beberapa dapatan kajian yang boleh diketengahkan. Epistemologi ilmu perlu bersumber daripada sumber yang hak iaitu wahyu Allah, al-Quran dan as-Sunnah. Epistemologi ilmu dalam Islam bukan sekadar teori. Epistemologi Islam adalah sebahagian daripada akidah yang berdasarkan paradigma tauhid. Pengetahuan yang ada di dalam al-Quran memiliki kebenaran mutlak (*absolute*) iaitu telah mencakupi segala aspek kehidupan secara komprehensif dan tidak dapat dikurangkan atau ditambah (*irreducible*). Akan tetapi al-Quran pada dasarnya menerangkan tentang prinsip-prinsip umum, dan ayat-ayat al-Quran diimplimentasikan dalam keperibadian Rasulullah SAW, dan kerana itu as-Sunnah juga adalah sumber kepada ilmu pengetahuan.

Selain itu, kupasan yang dibuat dalam kajian ini termasuklah pandangan Islam terhadap pengeluaran. Perbincangan bagi prinsip dan teori pengeluaran dalam Islam antaranya ialah matlamat pengeluaran, masalah scarcity dan penentuan titik keseimbangan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa matlamat pengeluar dalam teori pengeluaran Islam bukanlah memaksimumkan keuntungan sebagaimana dalam teori pengeluaran konvensional tetapi mencapai matlamat manfaat maknawi atau rohani yang mana akan membawa kepada kebahagiaan abadi di dunia dan akhirat (*al-falah*) melalui keuntungan patut. Di samping itu, terma *absolute scarcity* tidak wujud dalam sistem ekonomi Islam. Namun, *relative scarcity* diterima dan diakui sebagai salah satu masalah dalam sistem ekonomi kerana idea mengenai sumber tertentu boleh wujud dalam jumlah yang terhad. Dalam penentuan titik keseimbangan, titik pengoptimuman keuntungan akan dicapai apabila *average revenue* sama dengan *average cost*, berbeza dengan teori pengeluaran konvensional di mana mana keuntungan maksimum akan dicapai apabila *marginal revenue* sama dengan *marginal cost*. Selain itu, pengeluaran barangan atau perkhidmatan itu dianggap cekap apabila dikendalikan dengan menggunakan kos yang optimum (minimum), dan dianggap berkesan apabila dapat mencapai tujuan yang telah ditetapkan, khususnya dalam mencapai kebajikan masyarakat. Tidak dinafikan jumlah keuntungan yang akan diperolehi oleh pengeluar dalam teori pengeluaran Islam adalah lebih rendah berbanding teori pengeluaran konvensional ekoran daripada tingkat harga yang rendah. Tetapi teori pengeluaran Islam ini dilihat jauh lebih berkesan dalam mencapai tujuan yang telah ditetapkan iaitu peningkatan dalam kebajikan masyarakat. Penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran dalam teori pengeluaran konvensional adalah berdasarkan “*pareto optimum criterion*”. Tingkat harga pada tingkat ini adalah paling tinggi dan jumlah keluaran pada tingkat ini pula adalah paling cekap kerana melibatkan kos yang paling rendah. Walau bagaimanapun, dalam teori pengeluaran Islam penentuan tingkat harga dan jumlah keluaran adalah berdasarkan “keuntungan patut dan peningkatan kebajikan”. Implikasinya, tingkat harga yang dikenakan adalah rendah dan jumlah keluaran sesuatu barangan dan perkhidmatan adalah lebih tinggi berbanding teori pengeluaran konvensional.


Implikasi daripada dapatan ini menuntut pengeluar Islam memantapkan iman dan aqidah sebagai benteng bermujahadah mengikut ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Didikan jiwa dan rohani dilihat faktor yang subjektif tetapi efektif dalam memainkan peranan membentuk peribadi dan akhlak pengeluar yang akan patuh kepada apa sahaja peraturan yang telah digariskan oleh Allah di dalam al-Quran dan as-Sunnah tanpa mempertikaikannya. Dasar dakwah dan tarbiyyah juga dilihat satu usaha

untuk memurnikan semula sistem pendidikan kini yang realitinya didominasi oleh falsafah, teori dan konsep pengeluaran yang hanya bersumberkan akal semata-mata. Terlaksananya dasar ini dianggap sebagai wadah untuk mengajak kepada yang ma'ruf dan mencegah yang mungkar.


## RUJUKAN

- Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Ali al-Sheikh. (2003). *Tafsir Ibnu Kathir*. Terj. M. Abdul Ghafar E.M & Abu Ihsan al-Atsari. Indonesia: Pustaka Imam Syafi'I (Pelbagai Jilid).
- Abulhassan Muhammad Sadeq. (2003). *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam*. Terj. Rohani Sulaiman. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Aidit Ghazali & Syed Omar. (1989). *Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics*. Selangor: Pelanduk Production.
- Asyaikh Salim 'Ted al-Hilali. (1999). *Ensiklopedia Larangan Bab Fiqh*. Terj. Abu Ihsan al-Atsari. Indonesia: Pustaka Imam Syafi'I.
- Fazlur Rahman. (1982). *Islam and Modernity Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: The University of Chicago Press.
- F.Y Edgeworth. (1881). *Mathematical Psychic: An Essay on the Application of Mathematics to the Moral Sciences*. London.
- Jaafar Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 725.
- Kurshid Ahmad. (1976). *Studies in Islamic Economics*. International Centre for Research in Islamic Economics. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- M.B. Hendrie Auto. (2003). *Pengantar Ekonomika Mikro Islam. Bab 4, Sejarah Pemikiran Ekonomi di Dunia Islam*. Yogyakarta: Ekonisia.
- Muhammad Akram Khan. (1994). *An Introduction To Islamic Economics*. The International Institute of Islamic Thought (IIIT), USA: Herndon, Virginia, hlm. 45.
- Muhammad Akram Khan. (1997). *The Role of Government in the Economy*. The American Journal of Islamic Social Sciences, Vol. 14, No. 2, hlm. 157.
- Muhammad Najatullah Siddiqi. (1991). *Kegiatan Ekonomi Dalam Islam*. Terj. Anas Sidik. Jakarta: Bumi Aksara.
- Muhammad Najatullah Siddiqi. (1995). *Islamizing Economics Toward Islamization of Disciplines*. The International Institute of Islamic Thought (IIIT), USA: Herndon, Virginia, hlm. 255.
- Mustafa 'Abdul Rahman. (2005). *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahnya*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Musthafa al-'Adawy. (2006). *Fiqh al-Akhlak*. Terj. Salim Bazemool dan Taufik Dames. Jakarta: Qisthi Pres.
- Omar Hasan Kasule. (2009). *Epistemologi Islam dan Integrasi Ilmu Pengetahuan Pada Universitas Islam*. Kampus Pasca Sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN). Indonesia. Palembang.
- Paul A. Samuelson & William D. Nordhaus. (1989). *Economics*. 13<sup>th</sup> Edition. New York: McGraw-Hill Book Company, hlm. 4.
- Philip K. Hitt. (1970). *History of The Arabs*. London: The Macmillan Press Ltd, hlm. 87.
- Sayyid Qutb. (2002). *Basyarahil Fil Zhilal Quran*. Terj. As'ad Yasin. Abdul Aziz Salim. Jakarta: Gema Insani.
- Shabnam Mokhtar & Siti Manisah Ngalim. (2005). *Penyelesaian Rabbani Bagi Masalah Ekonomi*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Surtahman Kastin & Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Omar Syed Agil. (1992). *Rationality in Economic Theory Dalam Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Malaysia: Longman.
- Syeikh Yusuf al-Qardhawi. (2009). *Fiqh: Ekonomi Islam*. Terj. Mohamad Dahlan Haji Arshad. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.
- Tafsir al-Quran Karim. (2001). Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Wahbah Zuhaily. (2007). *Tafsir al-Munir*. Terj. Zulkifli Yusuf & Ishak Sulaiman. Selangor: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.


LAMPIRAN



RAJAH 1: Islamisasi Separa



RAJAH 2: Langkah-langkah dalam Metodologi Teori Ekonomi Islam



GRAF 1: Fungsi Pengeluaran